

## Innovative Teacher Traits Based on Surah al-Kahfi Karakter Guru Inovatif Berdasarkan Surah al-Kahfi

Wan Ali Akbar bin Wan Abdullah  
Fakulti Pendidikan, UKM  
wanaliakbar.kpm@gmail.com

Khadijah binti Abdul Razak  
Fakulti Pendidikan, UKM  
khadijah.razak@ukm.edu.my

Mohd Isa bin Hamzah  
Fakulti Pendidikan, UKM  
isa\_hamzah@ukm.edu.my

Nursafra binti Mohd Zhaffar  
Kolej Komuniti Kuala Pilah  
nursafra@kkp.edu.my

Article Progress  
Received: 17 September 2019  
Revised: 7 November 2019  
Accepted: 21 November 2019

### Abstrak

Guru ialah individu yang memberikan kesan yang besar terhadap pembelajaran murid. Pengajaran guru inovatif diyakini mampu menyampaikan maksud dan isi pelajaran kepada kepelbagaiannya murid secara berkesan. Artikel ini membincangkan tentang karakter guru dan inovator yang terdapat dalam surah al-Kahfi. Nabi Khidir adalah contoh guru, manakala Zulkarnain adalah contoh inovator. Kajian ini dilakukan secara kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap empat kitab tafsir, iaitu Tafsir al-Qurtubi, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Munir dan Tafsir al-Azhar. Analisis dilakukan terhadap dua tokoh tersebut untuk merungkai karakter yang ada pada mereka berdasarkan kitab-kitab tafsir sehingga tema terbentuk. Dapatkan menunjukkan terdapat 13 karakter yang ada pada Nabi Khidir sebagai guru dan lapan karakter yang ada pada Zulkarnain sebagai inovator. Gabungan karakter dua tokoh tersebut membentuk kerangka konsep Karakter Guru Inovatif.

**Kata kunci:** Guru inovatif, Nabi Khidir, Zulkarnain

### Abstract

Teachers are individuals who make a significant impact on student learning. The teaching of innovative teachers is believed to effectively convey the meaning and content of the lessons to the students with various kind of behaviour. This article discusses the character of teacher and innovator found in surah al-Kahfi. Prophet Khidir is an example of teacher, while Zulkarnain is an example of an innovator. This study was qualitatively conducted using content analysis methods on four tafsir books, namely Tafsir al-Qurtubi, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Munir and Tafsir al-Azhar. The analysis was performed on the two figures to uncover the traits they had based on the tafsir books so that the theme can be formed. The findings show that Prophet Khidir has 13 traits as a teacher and Zulkarnain has eight traits as an innovator. The combination of the two figures' traits creates the conceptual framework of the Innovative Teacher Traits.

**Keyword:** Innovative teacher, Khidir, Zulkarnain

## 1. PENGENALAN

Guru adalah individu yang memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanannya sesuatu pendidikan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Menurut UNESCO (2017), rumusan daripada banyak kajian menunjukkan bahawa ada kaitan yang rapat antara kualiti guru dan pencapaian murid. Hal ini selari dengan kenyataan KPM yang mengatakan bahawa kualiti guru adalah faktor berdasarkan sekolah yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid (KPM, tt) dan menjadi tunjang kepada kejayaan sistem pendidikan (KPM, 2017). RAND Education (2012) turut merumuskan bahawa banyak kajian yang menunjukkan impak guru terhadap pencapaian murid adalah lebih dua atau tiga kali ganda berbanding faktor-faktor sekolah yang lain seperti saiz kelas, perkhidmatan, fasiliti, kepimpinan dan lain-lain, serta empat hingga lapan kali ganda lebih mempengaruhi berbanding dengan keluarga.

Di Malaysia, KPM (tt) telah mengambil langkah dengan memberikan penekanan kepada peningkatan kualiti guru agar dapat meningkatkan pencapaian murid secara keseluruhannya. Hal ini disebutkan secara jelas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu Anjakan 4: Mentransformasi Profesional Keguruan Menjadi Profesional Pilihan. Antara perkara yang disentuh dalam Anjakan 4 adalah; 1) meningkatkan kualiti program Pembangunan Profesional Berterusan, 2) memastikan guru memberi tumpuan kepada fungsi teras pengajaran, 3) melaksanakan laluan kerjaya guru berdasarkan kompetensi dan prestasi, 4) memperluaskan laluan guru untuk peranan pakar pengajaran dan pakar bidang selain daripada peranan kepimpinan, dan 5) membudayakan kecemerlangan berdasarkan teladan rakan setugas.

Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) dibangunkan oleh KPM khusus untuk mentransformasikan amalan Pembangunan Profesional Berterusan bagi meningkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah serta memperkasakan profesion keguruan (BPG, 2014). Berdasarkan PPPB, guru mempunyai tiga tanggungjawab dan peranan, iaitu sebagai; 1) pemikir holistik, 2) pemikir strategik, dan 3) peneraju perubahan. Dalam ketiga-tiga peranan dan tanggungjawab itu, disentuh secara jelas mengenai keperluan guru untuk berinovasi ketika melaksanakan PdP.

Melalui PPPB juga, KPM menggariskan inovasi sebagai tanggungjawab bersama oleh guru, sekolah dan KPM (BPG, 2014). Maka, guru digalakkan untuk menghasilkan inovasi dan diberikan kredit melalui pendokumentasian dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM) (BPG, 2014). Guru yang kreatif dan inovatif mampu menjadikan sistem teknologi pengajaran menjadi lebih efektif, menarik dan menyeronokkan sekaligus mampu menambah kualiti penyampaian guru (Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010). Di pihak sekolah, perlu ada galakan kepada guru yang berpotensi untuk menghasilkan inovasi dan menyokong dari sudut masa, bahan, suasana dan sebagainya yang diperlukan oleh guru tersebut. Menurut Mohd Faeez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty Nurzuliana dan Muriah (2016), guru menjadi sumber yang tertinggi dalam menghasilkan dan mendapatkan BBM kerana mereka mendapat galakan daripada pentadbir. Di pihak KPM pula, anugerah berprestij diberikan setiap tahun kepada guru inovatif sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka kerana menghasilkan inovasi berkualiti dan terbukti berjaya meningkatkan pencapaian murid (Wan Ali Akbar & Nursafra, 2018).

## 2. KARAKTER GURU INOVATIF

Inovasi ialah penghasilan sesuatu yang baharu atau menambah nilai kepada sesuatu yang sedia ada (KPM, 2014). Ia merangkumi idea, prosedur kerja, sistem, kaedah, teknologi dan seumpamanya yang merupakan cetusan pemikiran yang kreatif dan inovatif. Isunya ialah para guru memberikan empat respon yang berbeza apabila berhadapan dengan inovasi, sama ada; 1) menerima, 2) meneliti dan menggunakan untuk diri sendiri terlebih dahulu, 3) berinteraksi dengan sistem dan

mempertimbangkan untuk menerima, atau 4) menolak (Sufyan Iskandar, 2008). Isu ini menimbulkan persoalan mengenai karakter guru inovatif yang sentiasa menerima inovasi dan lebih baik daripada itu menghasilkan inovasi. Guru Inovatif ditakrifkan oleh KPM sebagai guru yang menghasilkan inovasi dari segi bahan, kaedah, strategi dan sebagainya untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran (Wan Ali Akbar & Nursafra, 2018). Keberkesanan pengajaran guru penting, terutamanya apabila berhadapan dengan kepelbagaian tahap kognitif pelajar. Hal ini menuntut para guru untuk berinovasi (Kamarul Azmi, 2017).

Untuk merungkai persoalan ini, analisis terhadap dua tokoh dalam surah al-Kahfi diteliti; Nabi Khidir sebagai tokoh guru (Jamal Abd Nasir, 2018; Anita Fauziah & Ahmad Syamsu, 2019; Ahmad Syafiq, Mohd Faeez, Zetty Nurzuliana, Mohd Izzuddin & Mohammad Ehsan, 2017) dan Zulkarnain sebagai tokoh inovator (Wan Ali Akbar & Nursafra, 2018). Tema-tema dibentuk berdasarkan analisis kandungan ke atas tafsiran surah al-Kahfi daripada empat tafsir terkemuka, iaitu; Tafsir al-Qurtubi, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Munir dan Tafsir al-Azhar.

Beberapa kajian lepas telah dibuat untuk merungkai karakter Nabi Khidir sebagai guru. Contohnya Jamal Abd. Nasir (2018) telah merumuskan bahawa Nabi Khidir adalah guru yang mempunyai tiga sifat asas yang membawa kepada kejayaan pengajaran, iaitu; 1) menghambakan diri kepada Allah, 2) mempunyai pengetahuan luas, dan 3) mendapat rahmat Allah. Selain itu, Nabi Khidir ketika berhadapan dengan Nabi Musa menonjolkan tiga sifat lain, iaitu; 1) menekankan keperluan kepada keseriusan (kesabaran) yang tinggi yang perlu ada pada murid. hal ini penting supaya murid tidak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh guru. minat saja tidak cukup tanpa keseriusan untuk belajar, 2) mengingatkan murid akan kesalahannya dan memaafkannya, dan 3) guru perlu berusaha sedaya upaya untuk menjelaskan isi pelajaran sehingga murid dapat memahami maksud dan tujuan pelajaran itu (Jamal Abd Nasir, 2018). Anita Fauziah dan Ahmad Syamsu (2019) pula menyenaraikan karakter-karakter yang ada pada Nabi Khidir, iaitu; 1) bijaksana, 2) sabar, 3) ikhlas beramal, 4) mengenal kompetensi murid, 5) berpengetahuan luas, 6) menguasai isi pelajaran dengan baik, dan 7) pemaaf dan tegas.

Walaubagaimanapun, pengkaji tidak menemui kajian yang menganalisis karakter Zulkarnain sebagai inovator. Namun, ada teori-teori yang menyebut mengenai karakter yang perlu ada pada inovator. Contohnya, Mohd Azhar, Mohd Koharuddin dan Muhammed Fauzi (2006) menyenaraikan sifat inovator yang cemerlang, iaitu seperti berikut; 1) orientasi yang jelas, 2) keseimbangan dalam nilai introvert dan ekstrovert, 3) minat terhadap banyak perkara, 4) pakar dan fanatic, 5) pintar, 6) berdikari, 7) autonomi dalam membuat keputusan, 8) perseimbahan yang jelas, 9) fokus kepada pencapaian, 10) semangat ingin tahu yang tinggi, 11) ketahanan kreatif, 12) dedikasi, komited dan bekerja keras, 13) horizon jangka panjang, 14) kepelbagaian pendekatan, 15) kelenturan dan kecepatan, 16) insentif, dan 17) keupayaan modal. Azrina Sobian (2012) pula menyenaraikan ciri-ciri yang telah disebutkan oleh pelbagai sarjana, seperti; 1) kecerdikan, 2) bersifat terbuka dan asertif, 3) gigih, 4) suka mencuba, 5) proaktif dan dinamik, 6) mempunyai idea yang gila-gila, 7) berpandangan jauh dan bermaklumat, 8) mempunyai daya konsentrasi yang tinggi, 9) mempunyai banyak idea, 10) suka bertanya dan lain-lain.

Chua Yan Piaw (2012) pula menyebut bahawa tiada satu pun teori mengenai kreativiti dan inovasi yang dapat diterima oleh semua pengkaji. Hal ini disebabkan oleh definisi berbeza yang diletakkan oleh kesemua pengkaji. Oleh itu, kesemua alat pengukuran kreativiti hanya dilakukan berdasarkan definisi pengkaji semata-mata. Menurut Azrina Sobian (2012), sangat jarang untuk ditemui seorang individu kreatif dengan semua ciri kreatif ada padanya, sebaliknya kebiasaannya individu kreatif akan menunjukkan kombinasi dua atau tiga ciri sahaja. Maka, oleh kerana itu, Chua Yan Piaw (2012) menyebut bahawa sehingga kini, terdapat lebih daripada 60 alat untuk mengukur tahap kreativiti manusia, namun semuanya bersandarkan kepada definisi pengkaji tersebut.

Maka, pengkajian mengenai karakter inovatif yang ada pada Zulkarnain dalam surah al-Kahfi boleh menjadi satu panduan mengenai karakter yang patut ada pada inovator yang diiktiraf oleh Allah s.w.t.

### **3. NABI KHIDIR SEBAGAI GURU**

Terdapat 13 tema yang dapat dikeluarkan daripada surah al-Kahfi melambangkan karakter Nabi Khidir sebagai guru. Tema tersebut ialah:

#### **3.1 Mempunyai ilmu yang sahih dan terbukti kebenarannya**

Kebenaran itu terbukti apabila Allah s.w.t. mengatakan bahawa ilmu Nabi Khidir itu datangnya daripada Allah s.w.t. sendiri (al-Kahfi, 18: 65).

#### **3.2 Menguji tahap murid untuk mengenal potensi diri murid**

Proses pengujian itu berlaku apabila Nabi Khidir bertanyakan Nabi Musa mengenai tahap kesabaran yang ada pada dirinya apabila berdepan terhadap tingkahlaku gurunya yang tidak dapat difahami oleh dirinya sendiri (al-Kahfi, 18: 67-68). Hamka (2015), ketika menafsirkan ayat 67, berkata bahawa Nabi Khidir telah mengetahui Nabi Musa yang cepat marah, maka baginda tahu Nabi Musa tidak akan mampu sabar apabila berdampingan dengan baginda. Oleh kerana itu, apabila Nabi Khidir berkata, “Dan bagaimana engkau akan sabar terhadap perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara meliputi?” (al-Kahfi, 18: 68), baginda sebenarnya telah memberikan teguran pertama kepada muridnya itu.

#### **3.3 Menetapkan peraturan untuk murid**

Peraturan yang ditetapkan oleh Nabi Khidir kepada Nabi Musa adalah larangan bertanya sehingga gurunya sendiri yang akan menerangkan takwilan kepada setiap perkara yang berlaku (al-Kahfi, 18: 70). Menurut al-Qurtubi (1964), peraturan ini, jika dipatuhi oleh Nabi Musa, akan membolehkan Nabi Musa mengikut guru Nabi Khidir dan belajar lebih banyak perkara daripadanya.

#### **3.4 Sabar dan tegas dengan kerentahan murid**

Nabi Khidir bersabar sebanyak tiga kali apabila Nabi Musa mempersoalkan tindakannya ketika melubangkan perahu (al-Kahfi, 18: 72), membunuh anak (al-Kahfi, 18: 74) dan membina tembok yang runtuh (al-Kahfi, 18: 77), sedangkan baginda telah bersetuju dengan peraturan yang ditetapkan sebelum daripada ini (al-Kahfi, 18: 69). Kesalahan pertama dan kedua, Nabi Khidir memaafkan dan memperingatkan Nabi Musa tentang peraturan yang telah ditetapkan (al-Kahfi, 8: 72; al-Kahfi, 18: 75). Menurut al-Qurtubi (1964), Nabi Khidir memaafkan Nabi Musa kali pertama dan kali kedua kerana baginda terlupa dan lupa termasuk dalam perkara yang patut mendapat kemaafan dan tidak patut dihukum. Walaubagaimanapun, peringatan tetap diberikan. Menurut Wahbah az-Zuhaili (1997), ketika Nabi Khidir menegur Nabi Musa buat kali kedua, Nabi Khidir menggunakan perkataan “Bukankah, aku telah katakan kepadamu” (al-Kahfi, 18: 75) untuk menunjukkan teguran dan peringatan yang lebih keras kerana ketidaksabaran Nabi Musa.

Akhirnya, apabila Nabi Musa melakukan kesalahan buat kali ketiga, maka baginda dihukum. Hukumannya adalah perpisahan dengan gurunya dan Nabi Musa tidak lagi dibenarkan mengikut Nabi Khidir (al-Kahfi, 18: 78). Hal ini mungkin boleh diciptakan seperti amaran, gantung dan hukuman buang sekolah yang diamalkan dalam sistem pendidikan pada hari ini (Rujuk Surat Pekeliling Bil.6/68 bertarikh 10 September 1968).

Menurut Ab. Aziz (2014), kesabaran menonjolkan kewibawaan diri guru dan boleh memandu guru bertindak dengan lebih tenang dan tidak menggelabah serta tahu bila, kenapa dan bagaimana sesuatu tindakan perlu diambil.

### **3.5 Menerangkan kepada murid perkara yang tidak difahami oleh mereka**

Hal ini boleh dilihat dari dua sudut, iaitu; 1) sudut pembelajaran dan pengajaran, dan 2) sudut kesalahan dan hukuman. Dari sudut pembelajaran dan pengajaran, Nabi Khidir tidak membiarkan Nabi Musa terus berada dalam kejahilan dan ketidakfahaman. Sebaliknya baginda menjelaskan takwilan kepada setiap perkara yang telah dilakukannya (al-Kahfi, 18: 79 – 82) agar Nabi Musa belajar sesuatu ilmu daripadanya. Dari sudut kesalahan dan hukuman pula, guru menjelaskan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh murid dan sebab mereka dihukum. Maka, Nabi Musa reda menerima hukuman yang telah ditetapkan oleh Nabi Khidir kerana faham akan kesalahan yang dilakukannya.

### **3.6 Mengamalkan ilmu yang diberikan Allah dan tidak mengikut hawa nafsu**

Hal ini dijelaskan apabila Nabi Khidir berkata, “Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri.” (al-Kahfi, 18: 82). Ucapan ini sama keadaannya ketika Allah s.w.t. mendokong kebenaran kenabian Rasulullah s.a.w. lalu mengiktiraf bahawa percakapan yang terbit dari mulut Rasulullah tidak menurut hawa nafsu, sebaliknya hanyalah daripada wahyu semata-mata (an-Najm, 53: 3-4). Menurut al-Qurtubi (1964), lafadz ini turut menjadi tanda bahawa Nabi Khidir adalah seorang nabi.

### **3.7 Ikhlas dengan segala tindakan**

Perkara ini jelas apabila Nabi Khidir membina semula tembok tanpa mengharapkan upah daripada kerja yang dilakukannya (al-Kahfi, 18: 77) dan menghukum Nabi Musa apabila memberikan cadangan agar menerima upah daripada kerja tersebut (al-Kahfi, 18: 78). Menurut Ab. Aziz (2014), guru perlu ikhlas dan tidak boleh mendidik dengan untuk kepentingan diri sendiri. Ketidakikhlasan dalam mendidik akan memberikan kesan kepada suasana pembelajaran.

### **3.8 Mengutamakan maslahah yang lebih besar berbanding maslahah kecil**

Hal ini dapat dilihat melalui perbuatan membocorkan perahu oleh Nabi Khidir untuk mengelakkan perahu tersebut daripada dirampas oleh seorang raja yang kejam (al-Kahfi, 18: 79) serta membunuh anak kecil yang akan menyesatkan ibu bapanya jika hidup dewasa kelak (al-Kahfi, 18: 80). Perahu itu, daripada dirampas, lebih baik ia dirosakkan sedikit. Kerosakan dapat diperbaiki. Orang miskin akan terus mendapat manfaat daripada perahu itu. Maka kesabaran daripada sedikit kesulitan itu terkandung padanya banyak manfaat (al-Qurtubi, 1964). Ia sama seperti yang difirmankan oleh Allah bahawa boleh jadi manusia membenci sesuatu, sedangkan ia adalah baik untuknya (al-Baqarah, 2: 216).

### **3.9 Menjaga khazanah ilmu**

Hal ini adalah berdasarkan tafsiran para ulama' mengenai maksud (كتن) iaitu harta yang tertanam bawah tembok yang runtuh (al-Kahfi, 18: 82). Menurut Ibn Abbas, “كتن” adalah ilmu dalam lembaran yang tertanam (bawah tembok itu).” (al-Qurtubi, 1964).

### **3.10 Menjaga adab dengan Allah**

Nabi Khidir mengaitkan perbuatan membocorkan sampan kepada dirinya dengan berkata, “aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya.” (al-Kahfi, 18: 79), sebaliknya menyandarkan perbuatan membina tembok kepada Allah dengan berkata, “Maka Tuhanmu menghendaki supaya mereka cukup umur dan dapat mengeluarkan harta mereka yang terpendam itu, sebagai satu rahmat dari Tuhanmu (kepada mereka).” (al-Kahfi, 18: 82). Para ulama' tafsir berpandangan; 1) perbuatan membocorkan perahu secara zahirnya adalah kerosakan, maka lebih baik aib itu disandarkan kepada dirinya walaupun sebenarnya ia adalah suruhan Allah. Ia adalah satu bentuk adab kepada Allah, 2) perbuatan membina tembok, hikmahnya akan terzahir pada tempoh waktu yang lama selepas itu. Maka lebih baik disandarkan kepada Allah kerana hanya Allah yang tahu masa depan (al-Qurtubi,

1964). Tambah Ibn Kathir (2008), hal ini kerana hanya Allah melalui iradah-Nya yang akan menentukan nyawa anak yatim itu, sama ada akan hidup hingga dewasa atau dimatikan sebelum daripada itu.

### **3.11 Menjadi contoh kepada ilmu dan ajarannya**

Sejak daripada awal pertemuan, Nabi Khidir meletakkan peraturan kepada Nabi Musa untuk bersabar dengan segala tindakan yang dilakukannya (al-Kahfi, 18: 67-68). Apabila baginda menetapkan peraturan sedemikian, maka sebagai guru, baginda sepatutnya menunjukkan contoh kepada kesabaran tersebut. Itulah yang ditonjolkan oleh Nabi Khidir apabila baginda bersabar ketika dipersoalkan oleh Nabi Musa setelah melakukan tindakan-tindakan yang dilihat bertentangan dengan ajaran agama seperti merosakkan harta benda iaitu perahu (al-Kahfi, 18: 71-72) dan membunuh anak kecil (al-Kahfi, 18: 74-75) serta bekerja tanpa meminta upah (al-Kahfi, 18: 77).

### **3.12 Tidak kekok mengajar murid yang mempunyai kedudukan dan martabat yang lebih tinggi daripadanya**

Menurut al-Qurtubi (1964), apabila Nabi Musa memohon kepada Nabi Khidir untuk menjadi murid kepadanya (al-Kahfi, 18: 66), permintaan itu menunjukkan murid boleh belajar daripada guru yang martabatnya lebih rendah. Dalam isu Nabi Musa dan Nabi Khidir, Nabi Musa lebih tinggi martabatnya daripada Nabi Khidir kerana baginda adalah seorang rasul dan menjadi salah seorang rasul ululazmi, sebaliknya Nabi Khidir diperdebatkan oleh para ulama', sama ada baginda adalah seorang nabi atau wali. Maka, kedudukan dan martabat Nabi Musa sudah tentu lebih tinggi daripada Nabi Khidir. Walaubagaimanapun, Nabi Khidir tidak kekok memberikan ilmu, adab dan pelajaran kepada Nabi Musa. Hal ini logik kerana pasti ada ilmu yang tidak diketahui oleh murid walaupun mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada gurunya sendiri (al-Qurtubi, 1964; Hamka, 2015).

### **3.13 Cermat ketika memberikan pengajaran**

Nabi Khidir sangat berhati-hati apabila memberikan pengajaran kepada Nabi Musa. Hal ini dapat dilihat melalui pemilihan perkataan yang digunakan. Satu, apabila baginda memberi penjelasan mengenai hikmah merosakkan perahu, baginda menyandarkan perbuatan itu kepada dirinya, sebaliknya ketika meninggikan tembok, baginda menyandarkan perbuatan tersebut kepada Allah sepetimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Kedua, perbezaan penggunaan kalimah *(سُطْح)* dan *(سَطْح)*. Menurut Ibn Kathir (2008), tambahan huruf ta' menunjukkan pemberatan, sebaliknya tanpa huruf ta', ucapannya menjadi lebih ringan. Lafaz yang lebih berat (dengan huruf ta') digunakan sebelum Nabi Musa diberi kefahaman tentang hikmah kejadian-kejadian tersebut, sebaliknya lafaz yang lebih ringan (tanpa huruf ta') digunakan selepas penjelasan selesai diberikan. Mungkin Nabi Khidir menghendaki Nabi Musa supaya bersabar walaupun perkara tersebut begitu berat untuknya. Selepas penjelasan diberikan, pemahaman itu menghilangkan bebanan pemikiran yang dimiliki oleh Nabi Musa.

## **4. ZULKARNAIN SEBAGAI INOVATOR**

Terdapat lapan tema yang dapat dikeluarkan daripada surah al-Kahfi melambangkan karakter Zulkarnain sebagai inovator. Tema tersebut ialah:

### **4.1 Mempunyai ilmu**

Allah menyatakan bahawa Dia telah mengurniakan kepada Zulkarnain jalan untuk mencapai segala sesuatu (al-Kahfi, 18: 84). Ibn Abbas menafsirkan ayat ini sebagai ilmu tentang segala sesuatu untuk mencapai apa-apa yang dikehendakinya (al-Qurtubi, 1964). Hal yang sama turut dinyatakan oleh Mujahid, Said Ibn Jubair, Ikrimah, as-Suddi, Qatadah, Ad-Dahhak dan lain-lain (Ibn Kathir, 2008).

Hamka (2015) turut mengatakan bahawa Zulkarnain adalah seorang raja yang cerdik. Menurut Ab. Aziz Yusof (2014), dengan adanya ilmu yang terus diperbaharui akan membolehkan ilmuwan menguruskan idea-idea baru dalam usaha memenuhi pelbagai keperluan manusia.

#### **4.2 Mengenal pasti masalah dan cara penyelesaian terbaik**

Zulkarnain dibentangkan oleh satu kaum tentang masalah mereka, iaitu ancaman daripada Yakjuj dan Makjuj. Kaum tersebut turut mencadangkan agar dibina tembok (سدا) yang menjadi pemisah antara mereka dengan Yakjuj dan Makjuj (al-Kahfi, 18: 94). Walaubagaimanapun, Zulkarnain mempunyai idea yang lain. Beliau mencadangkan agar dibina tembok (ردم) (al-Kahfi, 18: 95). Menurut al-Qurtubi (1964) dan Wahbah az-Zuhaili (1997), radma lebih kuat daripada sadda.

#### **4.3 Ikhlas berinovasi tanpa mengharapkan upah**

Hal ini dapat dilihat apabila kaum tersebut menawarkan bayaran atas kerja-kerja yang akan dilakukan oleh Zulkarnain, namun ditolak oleh Zulkarnain (al-Kahfi, 18: 94). Menurut Wahbah az-Zuhaili (1997), orang yang soleh dan ikhlas berusaha dengan bersungguh-sungguh melakukan pelbagai pekerjaan untuk mencari reda Allah tanpa mengharapkan balasan dunia.

#### **4.4 Meminta kerjasama orang lain untuk menyumbang tenaga dan kepakaran dalam projek inovasi yang dilakukan**

Zulkarnain menolak upah yang ditawarkan oleh kaum tersebut, sebaliknya memohon kerjasama mereka untuk turut sama membantu dalam projek pembinaan tembok tersebut (al-Kahfi, 18: 94-95). Menurut al-Qurtubi (1964), bantuan daripada kaum tersebut berupa tenaga, kepakaran dan alatan. Kerjasama ini boleh menjadikan projek ini siap dengan lebih baik dari segi kualiti dan lebih cepat tempoh siapnya. Kerjasama sebegini juga secara langsung mampu mewujudkan budaya kerja inovatif dalam kumpulan.

#### **4.5 Teliti ketika mencipta inovasi**

Zulkarnain mengetuai pembinaan tembok itu mengikut langkah-langkah yang tersusun (al-Kahfi, 18: 96) menunjukkan ketelitian beliau ketika mencipta inovasi tersebut. Menurut Hamka (2015), perintah daripada Zulkarnain berjalan dengan teratur, tetap dan penuh wibawa sehingga tembok itu siap dengan kukuhnya.

#### **4.6 Berani memberi jaminan bahawa inovasi tersebut mampu menyelesaikan masalah**

Selepas siap pembinaan tembok itu, Zulkarnain memberi jaminan bahawa Yakjuj dan Makjuj tidak akan dapat memanjat tembok itu dan tidak dapat menebuknya (al-Kahfi, 18: 97). Menurut al-Qurtubi (1964) dan Wahbah az-Zuhaili (1997), tembok itu licin, sangat tinggi dan sangat tebal serta kukuh.

#### **4.7 Meletakkan tempoh jangka hayat kepada inovasi yang dihasilkan**

Zulkarnain berkata bahawa apabila sampai waktunya, tembok itu akan hancur (al-Kahfi, 18: 98). Hal ini menunjukkan bahawa inovasi yang dihasilkan mempunyai jangka hayat. Apabila sampai waktu adanya inovasi yang lebih baik, maka inovasi sedia ada tidak lagi relevan untuk digunakan.

#### **4.8 Merendah diri selepas berjaya menghasilkan inovasi dan menyandarkan kejayaannya kepada Allah**

Selepas selesai pembinaan tembok tersebut, Zulkarnain berkata, “Ini ialah suatu rahmat dari Tuhan.” (al-Kahfi, 18: 98) menunjukkan sifat rendah diri yang ada pada Zulkarnain. Menurut Hamka (2015), kejayaan pembinaan tembok itu tidak menjadikan Zulkarnain bangga lalu lupa kepada Allah, sebaliknya beliau pulangkan kembali kejayaan tersebut kepada Allah.

## 5. KESIMPULAN

Nabi Khidir telah menunjukkan contoh guru terbaik. Zulkarnain pula menunjukkan contoh inovator terbaik. Persamaan antara karakter kedua-dua mereka terdapat pada tiga perkara, iaitu; 1) berilmu, 2) ikhlas, dan 3) cermat dan teliti. Selain daripada itu, ada karakter lain yang khusus bagi seorang guru atau inovator. Karakter mereka berdua, jika digabungkan mampu dimanfaatkan oleh para guru yang ingin menjadi guru terbaik serta melengkapkan diri dengan sifat inovatif. Berdasarkan perbincangan di atas, himpunan karakter Nabi Khidir dan Zulkarnain dalam surah al-Kahfi membentuk satu kerangka konsep Karakter Guru Inovatif seperti rajah di bawah:

**Rajah 1 : Kerangka Konsep Guru Inovatif Berdasarkan Surah al-Kahfi**



## RUJUKAN

### Al-Quran

- Abdullah Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Ab. Aziz Yusof. (2014). *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ahmad Syafiq, Mohd Faeez, Zetty Nurzuliana, Mohd Izzuddin & Mohammad Ehsan. (2017). Ibrah Kisah Nabi Khidir dalam Surah al-Kahfi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Alaf Baru. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. 1 (2): 32-36.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad. (1964). *Tafsir al-Qurtubi*. Kaherah: Darul Kutub.
- Anita Fauziah & Ahmad Syamsu. (2019). Implikasi Edukatif Kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir dalam QS. Al-Kahfi/18: 60-82. *TARBAWY: Indonesian Journal of Islamic Education*. 6 (1): 33-43.
- Anom. (2016). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Azrina Sobian. (2012). Pandangan Awal Terhadap Kesedaran dan Pemupukan Kreativiti dan Inovasi. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Islam, Kreativiti dan Inovasi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- BPG. (2014). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan*. Putrajaya: KPM.
- Chua Yan Piaw. (2012). Pengukuran Semasa Kreativiti: Isu dan Cabaran. dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Islam, Kreativiti dan Inovasi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Hamka. (2015). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Gema Insani.
- Ibnu Kathir, Abul Fida' Ismail bin Umar. (2008). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- Jamal Abd Nasir. (2018). Nilai-nilai Pendidikan Karakter Guru dan Murid dalam Perspektif Kisah Musa dan Khidir dalam Surah al-Kahfi Ayat 60-82. *Nuansa*. 15 (1):173-194.
- Kamarul Azmi. (2017). Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Dlm *Ensiklopedia Pendidikan Islam Edisi 2*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- KPM. (2017). *Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- KPM. (tt). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Mohd Azhar, Mohd Koharuddin & Muhamed Fauzi. (2006). *Reka Cipta & Inovasi dalam Perspektif Kreativiti*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mohd Faeez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty Nurzuliana & Muriyah. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *E-Academia Journal UiTMT*. 5(2): 106-114.

RAND Education. (2012). *Teachers Matter: Understanding Teachers' Impact on Student Achievement*. Diakses daripada <https://www.rand.org/education-and-labor/projects/measuring-teacher-effectiveness/teachers-matter.html> pada 12 September 2019

Siti Fatimah & Ab. Halim. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2): 53-64.

Sufyan Iskandar. (2008). Kemampuan Pembelajaran dan Keinovatifan Guru. *Jurnal Pendidikan Dasar*. 9 – April 2008.

UNESCO. (2017). *Supporting Teachers with Mobile Technology*. France: UNESCO.

Wahbah az-Zuhaili. (1997). *At-Tafsir al-Munir fil Aqidah wasy Syari'ah wal Manhaj*. Damsyik: Darul Fikr.

Wan Ali Akbar & Nursafra. (2018). *Inovasi Pendidikan Islam: Inspirasi & Transformasi*. Kuala Lumpur: ITBM.